

CHEKLIST KEPADA BAKAL PENGANTIN

SEBELUM MELAKUKAN UJIAN SARINGAN HIV PRA PERKAHWINAN NEGERI SABAH

SILA BACA DAHULU SEBELUM ANDA MELAKUKAN UJIAN SARINGAN HIV PRA PERKAHWINAN BAGI MENGELAKKAN SEBARANG KESULITAN

(Tarikh kemaskini: 17 Mac 2021)

Kepada semua bakal pengantin, sila pastikan perkara berikut dipatuhi & dilaksanakan apabila melakukan ujian saringan HIV Pra Perkahwinan:

1. SEBELUM MELAKUKAN UJIAN SARINGAN HIV PRA PERKAHWINAN:

- Memuat turun **2 salinan** Borang Permohonan Ujian Saringan HIV Pra Perkahwinan (Borang KKM/HIV/SPP01/09 PIND.01/202 [Pindaan JKN Sabah] di laman sesawang Jabatan Kesihatan Negeri Sabah (JKN Sabah) atau Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah (JHEIANS)
- Bahagian 1** borang-borang tersebut diisi dan ditandatangani oleh bakal pengantin yang memohon.
- Sila pergi ke **fasiliti kesihatan KERAJAAN** yang mempunyai **pegawai perubatan** bagi melakukan ujian saringan HIV Pra Perkahwinan.
****Hasil ujian Saringan HIV Pra Perkahwinan yang dilakukan di klinik/hospital SWASTA adalah tidak diterimapakai.***

2. SEMASA MELAKUKAN UJIAN SARINGAN HIV PRA PERKAHWINAN DI FASILITI KESIHATAN KERAJAAN:

- Sila pastikan bahawa **Bahagian 2** borang tersebut ditandatangani oleh **Pegawai Perubatan atau Pakar Perubatan SAHAJA**. Sekiranya bahagian tersebut ditandatangani oleh selain pegawai perubatan / pakar perubatan, sila maklumkan perkara tersebut kepada anggota kesihatan yang bertugas.
****Bahagian 2 yang ditandatangani oleh Penolong Pegawai Perubatan / Jururawat Kesihatan Awam / Jururawat Masyarakat adalah tidak diterimapakai.***
- Sila pastikan bahawa borang-borang tersebut lengkap diisi:
 - Bahagian 1: Diisi oleh bakal pengantin
 - Bahagian 2: Diisi oleh pegawai perubatan / pakar perubatan
 - Bahagian 3: Diisi oleh jururawat yang bertugas membantu doktor.
 - **Sila pastikan bahawa No. Rujukan di bahagian atas kanan surat & di Bahagian 3 kanan diisi lengkap oleh anggota kesihatan yang**

bertugas (sama ada doktor / penolong pegawai perubatan / jururawat)

- Sila pastikan bahawa 1 salinan borang tersebut disimpan oleh pihak fasiliti kesihatan tersebut dan 1 lagi salinan borang diberikan kepada bakal pengantin
- **Sila pastikan bahawa bakal pengantin menerima borang tersebut dalam bentuk berikut:**
 - Bahagian 1 & 2 borang tersebut diceraikan daripada Bahagian 3.
 - **Bahagian 1 & 2 dimasukkan ke dalam sampul surat** yang ditutup kemas (*sealed envelope*). Bahagian ini adalah untuk **simpanan bakal pengantin**.
 - **Bahagian 3 akan diserahkan kepada pejabat agama oleh bakal pengantin**

3. SETELAH SELESAI MELAKUKAN UJIAN SARINGAN HIV PRA PERKAHWINAN:

- Sila pergi ke Pejabat Agama Daerah dan serahkan Bahagian 3 borang tersebut kepada pegawai pendaftar nikah.
- Sila ambil maklum bahawa keputusan ujian saringan HIV Pra Perkahwinan yang telah dilakukan hanya **SAH digunakan dalam tempoh masa 6 bulan** dari tarikh ujian dilakukan.

Tahniah & Syabas!

Anda telah selesai melaksanakan tanggungjawab anda sebagai rakyat yang prihatin!

Sekiranya anda ada mengamalkan tingkah laku berisiko seperti:

- Bertukar-tukar pasangan seksual
- Melanggan khidmat pekerja seks
- Pernah melakukan hubungan seksual dengan individu yang tidak dikenali atau tidak diketahui status kesihatan
- Homoseksual atau biseksual
- Tidak memakai kondom semasa melakukan hubungan seksual
- Suka berpesta di bawah pengaruh alkohol atau dadah
- Mengambil dadah secara suntikan jarum

Sila lakukan ujian saringan HIV secara berkala 3 hingga 6 bulan sekali bagi mengetahui status kesihatan anda.

MENCEGAH ITU LEBIH BAIK DARIPADA MERAWAT!

Unit HIV / STI / Hep C,

Bahagian Kesihatan Awam, Jabatan Kesihatan Negeri Sabah

17 Mac 2021